



AHLI kumpulan Anugerah (dari kiri) Hafizul sebagai vokalis, Haneef dan Rezoy sebagai pemain gitar.

## ANUGERAH di Tamu Gadang UMS dan Malam Citra Warna TCRF

48 24.11.2016 B12

Oleh VIVI OLIVIANA NAJURUS

### SELEPAS

mempersembahkan tiga lagu ciptaan sendiri sempena Konsert Karnival Gegar Keningau September lalu, Band Anugerah kini kembali lagi di Sabah bagi beraksi mendendangkan lagu di Kota Kinabalu dan Keningau.

Vokalis band Anugerah Hafizul Zulkarnain berkata Anugerah akan membuat persembahan di Tamu Gadang ke 18 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersempena Majlis Konvokesyen universiti itu pada jam 10 malam 27 November ini.

"Selain band Anugerah, ramai artis lain yang turut membuat persembahan sepanjang berlangsungnya Tamu Gadang di Padang Kawad UMS termasuklah Sufian Suhaimi, Aiman Tino, Tasha Mansahar dan band tempatan lain."

"Anugerah sendiri akan menyanyikan tiga buah lagu ciptaan sendiri berjudul Mainan Cinta, lagu medley pawana/seruan/sejati dan sebuah lagu Inggeris berjudul She's Gone," katanya.

Menurutnya konsert yang diadakan secara percuma itu turut menyediakan pelbagai acara menarik termasuklah gerai yang menjual pelbagai barang dan makanan tempatan serta zon Fun Fair.

Hafizul berkata selepas membuat persembahan di UMS, band Anugerah sekali lagi akan mempersembahkan lagu semasa Malam Citra Warna sempena The Croker Range Festival (TCRF) di Keningau.

Katanya kedatangan

Anugerah buat kali kedua di Keningau menjanjikan persembahan berlainan berbanding sebelum ini.

"Anugerah akan membuat persembahan secara akustik dan pastinya lagu yang akan dibawakan adalah lagu Mainan Cinta dan lagu Warisan iaitu lagu daripada artis lama Teacher's Pet," katanya.

Tambahnya konsert Malam Citra Warna TCRF adalah dibuka secara percuma kepada orang awam di Padang Bandaran Keningau pada jam 7.30 malam 25 November.

Sementara itu, Ketua Kumpulan Band Anugerah Rosli Moktar atau lebih dikenali sebagai Rezoy merangkap pemain gitar utama berkata Anugerah akan memulakan pembikinan lagu single ketiga di Sabah.

"Apa yang menarik dengan pembikinan lagu ketiga kita adalah Anugerah akan menggunakan khidmat komposer terkenal Sabah iaitu Rodie Sofazr."

"Sebenarnya, lagu ini sudah lama dibuat, cuma ia kena diubah mengikut acuan band Anugerah dan pasinya single ketiga ini akan mula didengari di corong-corong radio bermula awal 2017 depan," katanya.

Maklumat lanjut berkenaan band Anugerah boleh didapati di Laman Sosial Facebook Anugerah Band dan Instagram Anugerah sendiri iaitu anugerahband.

Anugerah ditubuhkan pada 2010 dan sudah menjalankan banyak persembahan dalam pelbagai konsert dengan membawa lagu Mainan Cinta yang turut tersenarai di Carta Lagu Artis Sabah (Clas).